

20 APR 2002

Libya-Kenyataan/I

KL-TRIPOLI KUTUK KEKEJAMAN ISRAEL DI BUMI PALESTIN

Oleh: Khairdzir Mohd Yunus Dan Mohd Arshi Daud

TRIPOLI, 20 April (Bernama) -- Kuala Lumpur dan Tripoli menyatakan kebimbangan berhubung keadaan di Palestin yang terus bertambah buruk dan mengutuk dengan keras tindakan ketenteraan dan kekejaman yang dilakukan oleh Israel.

Kedua-dua negara itu menyeru masyarakat antarabangsa mengambil tindakan serta merta untuk memaksa Isreal akur dengan semua Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa bersatu (PBB) berhubung pembentukan sebuah negara bebas Palestin dengan Baitulmaqdis (Al-Quds Al-Sharif) sebagai ibu negara.

Dalam satu kenyataan bersama yang dikeluarkan di akhir lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Libya, kedua-dua negara mengutuk segala bentuk keganasan.

"Mereka menekankan akan perlunya mengadakan satu persidangan antarabangsa untuk mentakrifkan keganasan dan kenalpasti puncanya.

"Mereka mengesahkan semula komitmen bagi kerjasama dalam usaha membanteras keganasan.

"Mereka juga menolak apa-apa usaha mengaitkan Islam dengan keganasan dan mengesahkan semula hak sah rakyat untuk berjuang bagi kebebasan dan kemerdekaan," kata kenyataan itu.

Kuala Lumpur dan Tripoli telah mengesahkan semula pendirian mereka yang penyelesaian pertikaian dan konflik mestilah berdasarkan kepada prinsip dan peraturan undang-undang antarabangsa berdasarkan kepada tindakan unilateral.

Dr Mahathir, telah bertemu pemimpin Libya Muammar Gaddafi selepas tiba di Tripoli pada Khamis.

Kedua-dua mereka telah membincangkan pelbagai isu meliputi hal-hal dua hala, serantau dan antarabangsa.

Mereka bersetuju untuk meningkatkan hubungan keseluruhan dan kerjasama.

Dr Mahathir turut bertemu dengan rakan sejawatannya Imbarak Abdallah El-Shamikh.

Dr Mahathir dan El-Shamikh bersetuju untuk meningkatkan lagi kerjasama dalam bidang ekonomi, pendidikan, budaya, teknologi, perdagangan dan pelaburan.

Kedua-dua pemimpin bersetuju untuk terus mengusahakan jaminan pelaburan, hubungan dalam sektor pelancongan, budaya, dan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), penyelidikan sains, pembinaan dan pembangunan infrastruktur dan sektor petroleum.

Mereka juga bersetuju untuk memperkukuhkan mekanisme perundangan sedia ada bagi meluaskan kerjasama dalam semua aspek dan meninjau kemungkinan dan peluang bagi pelaburan bersama di negara-negara ketiga-tiga.

Selain daripada itu, mereka bersetuju untuk bekerjasama erat di peringkat serantau dan antarabangsa dalam isu-isu kepentingan bersama.

Mereka juga bersetuju untuk berusaha ke arah merealisasikan sebuah dunia yang adil dan `multipolar' berdasarkan kepada prinsip undang-undang antarabangsa, keadilan, kesaksamaan, dan saling hormat-menghormati bagi negara-negara berdaulat dan untuk bekerjasama bagi pencapaian global, politik, ekonomi dan kestabilan sosial.

Kedua-dua mereka juga bersetuju untuk bekerjasama dalam sistem PBB bagi tujuan meningkatkan peranan dan kecekapan PBB dan mekanismenya.

Satu bidang yang menjadi keutamaan ialah penjagaan keamanan PBB, pengekalan keselamatan antarabangsa dan kestabilan, dan untuk menangani

isu-isu serantau dan global dalam rangka kerja Piagam PBB dan prinsip-prinsip serta norma undang-undang antarabangsa.

Dr Mahathir dan El-Shamikh juga bersetuju untuk menyokong usaha-usaha yang bertujuan mencapai satu penyelesaian yang adil bagi konflik-konflik serantau, untuk menangani cabaran negatif akibat globalisasi, untuk bekerjasama dalam meninjau cara-cara mengatasi cabaran dan ancaman daripada pengedaran dadah dan senjata ringan, memerangi perkauman, xenofobia (menggeruni orang asing) dan semua bentuk ekstremisme.

Mereka juga bersetuju untuk memberi rangsangan baru kepada Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Semasa lawatan itu tiga perjanjian ditandatangani, kata kenyataan bersama itu.

Perjanjian-perjanjian itu ialah memorandum pesefahaman (MOU) untuk kerjasama dalam bidang pendidikan dan juga dalam ICT.

Perjanjian ketiga ialah satu memorandum perjanjian mengenai pembangunan peluang-peluang perniagaan dan teknikal antara perbadanan Petroleum Malaysia, Petronas dan perbadanan petroleum Libya.

-- BERNAMA

MAD KHY PR